

22 SEP 1998

Komanwel-Jamuan

JAMUAN PERDANA RAIKAN PESERTA KUALA LUMPUR 98

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Satu Jamuan Perdana akan diadakan di Stadium Nasional 3 Okt ini bagi meraikan semua pihak yang menyumbang khidmat sehingga menjadikan Sukan Komanwel ke-16 yang berakhir semalam antara yang terbaik dalam sejarahnya.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata bahawa pada majlis itu semua atlit Malaysia yang berjaya meraih pingat pada Kuala Lumpur '98 akan menerima hadiah mereka berdasarkan skim galakan Majlis Sukan Negara.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju supaya majlis itu diadakan," katanya pada persidangan berita di sini.

Muhyiddin berkata jamuan itu akan dihadiri kontinjen negara, sukarelawan serta anggota polis dan tentera.

Sukan Komanwel ke 16 yang ditutup semalam oleh Ratu Elizabeth II, disifatkan oleh pelbagai pihak sebagai paling hebat daripada segi penganjurannya. Ramai juga memuji kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

Malaysia mencapai kejayaan luar dugaan dengan meraih 10 pingat emas, 14 perak dan 12 gangsa untuk menduduki tempat keempat daripada 70 negara yang mengambil bahagian.

Muhyiddin berkata rakyat Malaysia patut berbangga kerana mampu mengendalikan dengan baik satu acara sukan yang besar.

"Ianya merupakan satu cabaran besar kepada negara dan kita membuktikan bahawa apa orang lain boleh buat, kita juga boleh buat. Kita telah melakukan sebaik mungkin," katanya.

Menurut beliau semua aspek pengendalian sukan itu berjalan lancar walaupun terdapat sedikit masalah yang menjadi lumrah pada kejohanan seperti Sukan Komanwel.

Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, pengerusi Sukom Ninety Eight Berhad, penganjur sukan itu, pula menyatakan penghargaannya kepada pihak media yang telah memberikan liputan menyeluruh kepada Kuala Lumpur '98.

-- BERNAMA

MAM MAI